

**PENGLIBATAN SYARIKAT MALAYSIA DALAM
PROJEK TEROWONG SMART**

THEONG MAY CHUAN

**Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2008

ABSTRAK

Kuala Lumpur merupakan pusat perdagangan negara yang mempunyai kepadatan populasi yang tertinggi di Malaysia. Pembangunan yang pesat dan penggunaan tanah yang berleluasa di atas bekas lombong ini telah menjadikan sistem pengurusan banjir gagal berfungsi dengan baik. Oleh itu, suatu projek tebatan banjir, iaitu projek SMART telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk mengurangkan masalah banjir di Lembah Klang. Di samping itu, terowong tersebut juga berfungsi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Pembinaan projek terowong dwi-fungsi yang unik ini memerlukan teknologi yang canggih dan pengurusan yang sempurna supaya kedua-dua objektif pelaksanaan projek ini dicapai. Jadi, banyak pihak telah terlibat dalam projek mega yang membanggakan Malaysia ini termasuk pembina dan perunding tempatan. Walaubagaimanapun, apakah tahap penglibatan penduduk Malaysia dalam projek tersebut? Penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti komposisi syarikat pembinaan tempatan yang terlibat dalam projek pembinaan SMART dari segi bilangan, saiz syarikat, jenis dan skop kerja. Objektif kedua adalah untuk Mengenalpasti komposisi dan bilangan syarikat perunding tempatan yang terlibat dalam projek pembinaan SMART serta bentuk kerja yang dilaksanakan. Kajian ini memfokuskan syarikat pembinaan di Kuala Lumpur dan Selangor serta firma perunding Malaysia yang terlibat. Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual dan kiriman borang soal selidik manakala analisis dilakukan dengan kaedah sistem analisis statistik. Hasil kajian mendapati terdapat 21 buah syarikat pembinaan tempatan dan 4 buah syarikat perunding Malaysia yang terlibat dalam projek SMART. Peratusan yang tercatat ialah 29 peratus dan 33 peratus masing-masing. Komponen kerja yang paling kerap dijalankan ialah terowong laluan trafik dan kebanyakan kontraktor melakukan kerja pembinaan dan perunding terlibat dalam kerja perancangan dan penyeliaan.

ABSTRACT

Kuala Lumpur which has the densest population in Malaysia is the nation's hub for businesses. The rapid development and land use impact on this previous mining area has rendered the incapability of the country's flood management facilities. So, a new flood mitigation project which is the SMART project has been launched in year 2004 to reduce the flood in Klang Valley Basin. At the same time, the tunnel was aimed to curb the traffic congestion problem. This extra-ordinary tunnel which provides a uniquely innovative solution to two serious situations in the city had required the latest and advance technology with a complete management. Hence, many parties joined the project until its opening to the public including the local construction and consultant companies. Anyway, how much involvement of the Malaysia in the project? So, this study is to determine the composition of local construction firms which involve in the project in the sense of number of company, company size, component and scope of work. The second objective is to find out the composition and number of local consultant firms which take part in the project and the type of work they have done. The study is focused on the construction firms in Kuala Lumpur and Selangor, and consultant firms. This research is done by using the combination of interview and postal of questionnaires while simple statistic technique is used to analyse the data. The data analysis shows there are 29 local construction companies and 4 Malaysian consultant firms that were involved in the project where the former stands 29 percent and the latter stands 33 percent. The component of works that involves most local companies is the traffic tunnel where majority construction companies has taken up construction works while consultant firms took part in supervising and planning work.